

Praktis 9 Cerpen Menuai Emas

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Kalau emak mahu saya lepaskan dua petak tu, saya akan lepaskan.”

Dalam lemah mengalah, Alif kuatkan hati untuk bersuara.

“Siapa kata mak suruh lepaskan?” Emak menjegil.

“Saya tak mahu tengok mak sedih. Saya tak sanggup biarkan mak dengar orang kata saya tak lulus universiti,” kata Alif dengan nada merendah.

“Mak boleh fikir sendiri, Alif. Kan mak sendiri yang hadir waktu kamu ambil ijazah di atas pentas tahun lepas. Cuma emak ni teringatkan arwah abah kamu,” balas emak, makin liris.

Lalu kata-kata emak itu jadi penawar terbaik buat Alif. Dia mesti mempertahankan dua petak tanah itu. Sekalipun terpaksa berperang bertajak seorang mempertahankan diri, dia sudah nekad. Tak kan dia pejam mata membiarkan dua petak itu terkorban walaupun atas nama pembangunan. Sedangkan hasratnya yang tertanam lama dalam sanubari itu pun diluruskan atas niat kemajuan juga.

Tidak tergamak rasanya dia *mahu menyaksikan* petak-petak yang telah menyajikan ruji semangat leluhurnya berganti dengan jaluran rumah teres kos rendah. Tidak sampai hatinya membayangkan landskap desa yang selama ini tenang dengan hamparan permaidani hijau bakal berganti dengan hutan batu. Andai inilah pembangunan, maka usaha yang dia sedang rancangan itu, adakah tidak layak digelar pembangunan juga?

Dipetik daripada cerpen “Menuai Emas”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Rangkai kata *mahu menyaksikan* bermaksud

- A hendak melihat.
- B ingin mengintip.
- C harus merenung.
- D dapat meninjau.

Mentafir (Aros R)

2 Sedangkan hasratnya yang tertanam lama dalam sanubari itu pun diluruskan atas niat kemajuan juga.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Muafakat membawa berkat
- B Kemajuan teras kejayaan
- C Biar lambat asalkan selamat
- D Hidup ini suatu perlumbaan

Mentafir (Aros R)

3 Saya tak mahu tengok mak sedih.

Apakah nilai yang terdapat dalam pernyataan di atas?

- A Kerajinan
- B Keikhlasan
- C Ketegasan
- D Kasih sayang

Memahami, Menganalisis (Aros S)

4 Orang mengatakan bahawa

- A Alif lemah dan mudah mengalah.
- B Alif tidak kuat untuk bersuara.
- C Alif tidak lulus universiti.
- D Alif tidak mengambil ijazah pada tahun lepas.

Memahami, Menganalisis (Aros S)

5 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.

- A Emak Alif mahu Alif melepaskan dua petak tanah itu.
- B Alif teringat akan arwah abahnya.
- C Kata-kata emaknya menjadi penawar terbaik buat Alif.
- D Alif akan membiarkan dua petak itu terkorban atas nama pembangunan.

Menganalisis, Menyusun (Aros T)